

# PM: Tiga cadangan tangani isu Myanmar

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia mengemukakan tiga cadangan bagi menangani situasi di Myanmar sebagai menyokong prinsip ASEAN dalam mengutamakan perlindungan rakyat dan mempromosikan kesejahteraan sejagat.

Perkara itu dibangkitkan Perdana Menteri dalam Pertemuan Pemimpin-pemimpin ASEAN di Sekretariat ASEAN di Jakarta, Indonesia semalam.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tiga cadangan itu ialah menghentikan serta-merta pembunuhan dan keganasan terhadap orang awam, membebaskan segera tahanan politik tanpa

syarat serta membenarkan Ketua ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN mendapat akses ke Myanmar.

“Kami menyedari kejayaan usaha ASEAN terhadap Myanmar sangat bergantung kepada kesediaan Tatmadaw untuk bekerjasama. Malaysia berharap Myanmar akan terus bekerjasama dengan ASEAN untuk menegakkan prinsipnya.

“Malaysia bersedia terlibat secara konstruktif dengan semua pihak, dan menggembeng usaha dengan semua negara anggota ASEAN untuk membantu Myanmar mengatasi krisis politik semasa,” kata beliau dalam nota intervensi pada pertemuan itu.

Muhyiddin berkata, masya-

rakat antarabangsa mengharapkan ASEAN bertindak menangani apa yang berlaku di ‘halaman belakang rumah’ sendiri dan keadaan menyedihkan di negara itu mesti dihentikan.

Beliau berkata, sekiranya ASEAN dapat memberikan kemasa kini secara berkala penyertaan penuh Myanmar dengan membenarkan akses ASEAN bertemu pihak berkenaan, ini akan menunjukkan kesediaan Myanmar untuk terlibat secara konstruktif.

Jika keadaan di Myanmar bertambah baik, kata beliau, ini akan membuka pintu bagi ASEAN menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang terjejas.